



# Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat

Siri 4/ 2024 (APRIL 2024)

تاریخ	تاجوق	ب
5 April 2024M/ 25 Ramadhan 1445H	<b>Kunci Menemukan Lailatul Qadar</b>	1.
12 April 2024M/ 3 Syawal 1445H	<b>Kemanisan Yang Semakin Tawar</b>	2.
19 April 2024M/ 10 Syawal 1445H	<b>Ziarah Satu Tuntutan</b>	3.
26 April 2024M/ 17 Syawal 1445H	<b>Syawal: Antara Kegembiraan dan Kepiluan</b>	4.
<b>Khutbah Kedua</b>		

دبیاپای:ی:



زكاة فولاو فینغ

دتریتکن:



جابتن حال احوال اسلام فولاو فینغ

***Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang***

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor  
(Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBhg. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab  
(Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





# Kunci Menemukan Lailatul Qadar

5 April 2024M/ 25 Ramadhan 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي بِنِعْمَتِهِ تَتِمُّ الصَّالِحَاتُ، أَحْمَدُهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَنْ أَتَمَّ عَلَيْنَا  
صِيَامَنَا وَبَلَّغَنَا خِتَامَ شَهْرِنَا.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُ اللَّهِ  
وَرَسُولُهُ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى النَّبِيِّ الْكَرِيمِ مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى وَأَطِيعُوهُ، وَأَحْسِنُوا خِتَامَ شَهْرِكُمْ بِخَيْرِ عَمَلِكُمْ،  
وَأَلْزَمُوا أَنْفُسَكُمْ بِعَهْدِكُمْ، وَالِاسْتِمْرَارِ عَلَى طَاعَةِ رَبِّكُمْ.

## PARA TETAMU JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Menjadi tanggungjawab saya di sini untuk berpesan kepada diri saya dan sidang jemaah sekalian untuk sama-sama bertakwa kepada Allah dengan semaksimum takwa kerana dengan jalan takwa sahajalah akan menyebabkan ibadah kita sampai kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Saban tahun, Allah menganugerahkan satu bulan yang tidak pernah ada pada umat sebelum ini. Oleh itu, garaplah seberapa banyak kelebihan, keistimewaan dan elakkan sebarang perkara yang mencacat celakan bulan mulia ini. Antaranya seperti meninggalkan puasa tanpa



keuzuran, makan, minum dan menghisap rokok atau vape di khalayak ramai. Ia adalah kesalahan di bawah Seksyen 15, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang 1996. Sekiranya disabitkan bersalah boleh membawa hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya. Semoga Ramadhan kali ini memberi satu perubahan diri yang positif untuk kita semua. Bagi meningkatkan rasa ingin bertemu dengan Lailatul Qadar, khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk: **“Kunci Menemukan Lailatul Qadar.”**

## **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى SEKALIAN,**

Malam al-qadar dikenali juga sebagai Lailatul Qadar adalah malam yang sangat istimewa dalam agama Islam. Nama “al-qadar” sendiri bermakna “kekuasaan” atau “kemuliaan”. Malam ini disebut dalam al-Quran sebagai malam yang lebih baik daripada seribu bulan. Firman Allah dalam surah al-Qadr ayat 3:

لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ﴿٣﴾

Maksudnya: *“Malam kemuliaan itu lebih baik daripada seribu bulan.”*

Lailatul Qadar sengaja disembunyikan masanya untuk mendorong umat Islam beribadah secara maksimum pada bulan Ramadhan. Namun begitu, terdapat hadis yang dapat dijadikan panduan bahawa Lailatul Qadar kemungkinan besar terjadi pada salah satu malam ganjil dalam sepuluh malam terakhir bulan Ramadhan, yakni malam ke- 21, 23, 25,



27 atau 29. Sebuah hadis daripada Saidatina A'isyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا, Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

تَحَرَّوْا لَيْلَةَ الْقَدْرِ فِي الْوَتْرِ مِنَ الْعَشْرِ الْأَوَاخِرِ مِنْ رَمَضَانَ

Maksudnya: “Carilah lailatul qadar itu pada malam ganjil daripada sepuluh malam terakhir di bulan Ramadhan.”

﴿Hadis Riwayat Al

Bukhari﴾

Dalam hal ini, ada yang berpendapat ia berlaku pada malam ke-27 sebagai malam yang memiliki kemungkinan besar untuk menjadi Lailatul Qadar, namun ini pun tidak bersifat pasti.

Justeru, umat Islam dianjurkan untuk memanfaatkan sepuluh malam terakhir bulan Ramadhan sebagai kunci mencari Lailatul Qadar dengan penuh keikhlasan dan pengharapan kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

Saidatina A'isyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا meriwayatkan sebuah hadis yang bermaksud:

“Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ apabila masuk sepuluh akhir Ramadhan, Baginda menghidupkan malam-Nya (dengan ibadah), mengejutkan ahli keluarga-Nya dan mengikat pakaian-Nya (yakni menjauhi daripada melakukan hubungan dengan isteri-isteri-Nya).”

﴿Hadis Muttafaqun alaih﴾

**MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**



Terdapat riwayat dari kalangan tabi'in yang menggambarkan kegigihan dan semangat ahli ibadah dalam meraih malam yang sangat istimewa ini.

Salah satu contoh yang disebut oleh Dr 'Aidh bin Abdullah Al Qarni adalah kisah seorang tabi'in Taus bin Kaisan. Diriwayatkan dari Yahya bin Ma'in, "Beliau digelar Taus (طَاوُوس) (burung merak) kerana beliau banyak menimba ilmu (berkeliling) kepada para qurra' (قُرَّاء) (ahli qiraah)."

Dalam sebuah riwayat, beliau pernah mengunjungi saudaranya pada waktu sahur. Beliau mengetuk pintu dan membangunkan saudaranya yang masih tidur. Maka saudaranya berkata, "Saudaraku, mengapa engkau berkunjung padahal masih gelap?" Taus menjawab, "Demi Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** yang tiada Tuhan melainkan Allah, aku tidak menyangka bahawa masih ada seorang muslim yang tidur pada waktu sahur." Jawapan ini menggambarkan bagaimana perihal saudaranya ini membuatkan Taus hairan apabila masih ada yang tidur pada waktu yang sangat baik ketika dihamparkan dengan pelbagai nikmat ganjaran dari sisi Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

## **SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH,**

Tentu sahaja perasaan gembira dan bersemangat menyambut Lailatul Qadar adalah sesuatu yang sangat dianjurkan dalam Islam. Lailatul Qadar dianggap sebagai malam yang penuh berkat dan kemuliaan. Segala doa diterima, dosa-dosa diampuni, dan keputusan-keputusan penting diumumkan. Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah **رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ**, Nabi **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** bersabda yang bermaksud:



*“Sesiapa yang menghayati malam al-qadar dengan mengerjakan solat (dan pelbagai ibadah yang lain), sedang ia beriman dan mengharapkan rahmat Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**, nescaya diampunkan dosa-doanya yang telah lalu.”*

﴿Hadis Riwayat Al Bukhari﴾

Oleh sebab itu, kunci sebenar menemukan Lailatul Qadar bukanlah memikirkan tarikhnya, namun dengan memikirkan bagaimana mempersiapkan malam-malam Ramadhan dengan amal ibadah agar direzekikan untuk bertemu dengan Lailatul Qadar.

Rasulullah **صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** bersabda yang bermaksud:

*“Sesiapa yang kehilangan malam itu, sesungguhnya dia telah kehilangan semua kebaikan. Dan tidak akan kehilangan semua perkara itu kecuali orang yang telah diharamkan (tidak mendapat petunjuk) daripada Allah.”*

﴿Hadis Riwayat Ibnu Majah﴾

## **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Ramadhan akan meninggalkan kita namun usah sesekali kita tinggalkan roh Ramadhan. Bawalah semangat lailatul qadar pada setiap malam walaupun selepas Ramadhan melabuhkan tirainya.

Sebagai kesimpulan, khatib pada hari ini ingin mengajak sidang jemaah supaya mengambil beberapa langkah seperti berikut:

**Pertama:** Beribadahlah dengan hati yang tulus ikhlas dan niat yang murni hanya kerana Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dan bukannya untuk lailatul qadar.



**Kedua:** Persiapkan diri secara fizikal dan mental agar sentiasa sihat dan bertenaga untuk melaksanakan ibadah.

**Ketiga:** Rancanglah ibadah khusus di bulan Syawal dan bulan-bulan seterusnya berpuasa sunat, solat di awal waktu, tilawah al-Quran, berdoa dan berzikir.

**Keempat:** Melazimi amalan sedekah dan perbuatan baik sesama masyarakat seperti berkongsi rezeki dengan orang lain dalam bulan Syawal dan seterusnya.

Firman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً ۖ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ

أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

Maksudnya: “Sesiapa yang melakukan amalan soleh, baik lelaki mahupun perempuan dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya Kami akan kurniakan kepadanya kehidupan yang baik dan sesungguhnya Kami akan memberikan balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik daripada apa-apa yang telah dilakukan mereka.”

(Surah an Nahl ayat 97)

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَايَاكُمْ بِهٰدِي سَيِّدِ الْمُرْسَلِيْنَ،  
أَقُوْلُ مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ،  
فَاسْتَغْفِرُوْهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.







## Khutbah Kedua Bulan April

2024M/ 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى الْآلَاءِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَى تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِسَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى رِضْوَانِهِ.  
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا  
نَفْسِهِ، وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ  
عَلَيْمًا حَكِيمًا:  
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

﴿٥٦﴾ [الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ بْنِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،  
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

### SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI,

Dalam kesempatan ini, mimbar ingin menyeru agar sama-sama kita menjadikan keselamatan diri, keluarga dan pengguna jalan raya yang lain sebagai keutamaan di sepanjang musim perayaan



terutamanya pada perayaan Aidilfitri yang akan kita sambut dalam sedikit masa lagi.

Menjaga keselamatan jalan raya dan berusaha mencegah dari berlakunya kemalangan jalanraya adalah sebahagian daripada *Maqasid Syariah* dalam aspek pemeliharaan nyawa dan harta.

Justeru kita mestilah berusaha dengan pelbagai cara untuk mengurangkan risiko dan mencegah daripada berlakunya kemalangan jalan raya sepertimana Allah berfirman dalam Surah Al-Furqan, ayat 63 yang bermaksud:

“Dan hamba-hamba (Allah) ar-Rahman (yang diredhai-Nya), ialah mereka yang berjalan di bumi dengan sopan santun dan apabila orang-orang yang berkelakuan kurang adab, hadapkan kata-kata kepada mereka, mereka menjawab dengan perkataan yang selamat dari perkara yang tidak diingini”.

Muslimin dan muslimat juga diingatkan agar tidak melakukan 7 kesalahan utama lalu lintas iaitu memotong barisan, memotong di garisan berkembar, tidak mematuhi isyarat lampu merah, memandu melebihi had laju, menggunakan telefon bimbit semasa memandu, tidak memakai tali pinggang atau topi keledar dan memandu di lorong kecemasan. Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* melarang para hamba-Nya yang beriman.”

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ  
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.



اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرِّبَا وَالرِّزْنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta dapat mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf melalui agensi milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Wakaf Pulau Pinang (WPP).*

*Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara. Ya Allah! Kuatkan iman kami agar dapat menghindari perbuatan khianat, salah guna kuasa dan harta, memberi atau menerima rasuah dan segala perbuatan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.*



رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ  
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٥٢﴾

